

Pendidikan seks untuk pelatih PLKN: Yen Yen

"Saya telah mengemukakan cadangan kepada Timbalan Perdana Menteri dan secara lisan beliau telah bersetuju dengan pelaksanaan program tersebut."

■ NURKHAIRINI JUMARI

KUALA LUMPUR - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr Ng Yen Yen mengemukakan cadangan kepada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berkenaan memperkenalkan program pengurusan kemahiran kehidupan sendiri bagi peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Program yang memperuntukkan masa selama 10 jam membabitkan tempoh antara tiga hari dan seminggu di setiap kem



Ng Yen Yen merasmikan Siemens Run 2008 sambil diperhatikan oleh Pengarah Eksekutif Persatuan bagi Orang Buta Malaysia George Thomas.

itu mendapat reaksi positif daripada Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri.

"Saya telah memohon kepada Datuk Seri Najib bagi mendapatkan slot khusus untuk program tersebut supaya wakil kementeriannya turun padang mendekati pelatih PLKN di semua kem seluruh negara.

"Saya telah mengemukakan cadangan kepada beliau dan secara lisan beliau telah bersetuju dengan pelaksanaan program tersebut," katanya.

Program yang akan dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) ini

berharap program ini dapat dimulakan pada bulan Oktober. Kita juga akan menjemput badan-badan bukan kerajaan (NGO) sebagai tetamu dalam program ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media Perasmian Larian Siemen

(LPPKN) iaitu antara agensi di bawah kementeriannya, bertujuan memberi kesedaran kepada golongan remaja mengenai kepentingan untuk memahami dengan lebih mendalam erti kehidupan yang serba mencabar.

Menurut Yen Yen, pendekatan yang bakal digunakan ialah yang menarik minat golongan remaja melalui aktiviti berinteraktif sesuai untuk golongan remaja, serta mampu menarik minat mereka agar objektif pelaksanaan program ini akan tercapai.

Pendidikan seks dan bahaya ancaman HIV serta AIDS adalah antara sebahagian kursus baru yang mendapat kelulusan untuk didedahkan kepada peserta PLKN.

"Kursus ini adalah sebahagian daripada empat modul baru yang mendapat kelulusan untuk diperkenalkan dalam program pengurusan kemahiran kehidupan sendiri bagi peserta PLKN akan datang.

"Antara pengisian yang bakal diserapkan ialah kaedah untuk melindungi diri daripada pelbagai aspek, mengenali fungsi anggota badan, cabaran kehidupan, pergaulan serta pendidikan seks.

"Kementerian juga

2008 di Komplek Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), di sini semalam.

Atas kesedaran sosial, Siemens Malaysia Sdn Bhd akan menganjurkan larian Siemens 2008 yang akan berlangsung di Dataran Merdeka pada 6 Julai ini bertujuan mengumpul dana untuk disumbangkan kepada empat-rumah kebajikan yang terpilih iaitu Taman Megah Handicapped and Disabled Home, Agathians Shelter for Boys, Pernim Home dan Malaysian Paralympics Council. Orang ramai dijemput menyertainya.

Dalam perkembangan lain, Yen Yen berkata, kementeriannya telah menghantar surat kepada Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali daripada parti Bebas dan Datuk Bung Moktar Radin, Ahli Parlimen Kinabatangan daripada Barisan Nasional mengenai kenyataan mereka dalam Dewan Rakyat yang dikatakan menghina Orang Kurang Upaya (OKU).

Daripada balasan surat yang diterima mereka menerima teguran tersebut secara positif. Beliau juga mahu semua ahli Parlimen peka dan berhati-hati apabila mengeluarkan kenyataan menyentuh OKU.